



Tanggungjawab dan Liabiliti Pemegang Kad / Ahli Kad Debit-i dan Kad Kredit-i

Sebagai Pemegang Kad/Ahli Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam, anda perlu memahami tanggungjawab dan liabiliti anda untuk menghapuskan / mengurangkan risiko urus niaga tanpa kebenaran akibat kehilangan, kecurian dan penipuan kad anda.

TANGGUNGJAWAB ANDA IALAH:

- a) Mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i;
- b) Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i serta PIN anda selamat sepanjang masa, termasuk di kediaman anda. Ini termasuklah tidak:
 - i. mendedahkan butir-butir Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i atau PIN kepada orang lain;
 - ii. Menulis / merekodkan PIN Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan Kad;
 - iii. menggunakan tarikh lahir anda, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda sebagai PIN
 - iv. membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i dan PIN anda.
- c) Memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati bahawa Kad anda telah hilang / dicuri atau transaksi yang tidak sah telah berlaku atau PIN anda mungkin telah disalahguna di 603-26 900 900 atau contactcenter@bankislam.com.my;
- d) Memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta apabila menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) berkenaan amaran urus niaga tanpa kebenaran telah berlaku;
- e) Memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan maklumat bagi memastikan semua urusan surat-menyurat dan amaran transaksi sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh hubungi Pusat Panggilan kami di + 603 26 900 900 atau mengemaskini maklumat anda di mana-mana cawangan yang berhampiran;



- f) Menggunakan Kad Debit-i dan Kad Kredit-i dengan bertanggungjawab termasuk tidak menggunakannya untuk aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang; dan
- g) Menyemak penyata akaun anda dan melaporkan sebarang percanggahan dengan serta-merta.

**LIABILITI ANDA DI ATAS TRANSAKSI TANPA KEBENARAN
(TRANSAKSI DENGAN KAD) ADALAH:**

- a) Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN jika anda telah:
 - i. Bertindak melakukan penipuan;
 - ii. Lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i atau adanya penggunaan Kad tanpa kebenaran;
 - iii. Mendedahkan butir-butir Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i atau PIN anda kepada orang lain secara sukarela
 - iv. Menulis / merekodkan PIN Kad anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan Kad
- b) Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran pada transaksi dengan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh jika anda telah:
 - i. Bertindak melakukan penipuan;
 - ii. Lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan atau adanya penggunaan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i tanpa kebenaran;
 - iii. Meninggalkan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda atau apa sahaja yang mengandungi Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; dan
 - iv. Membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i anda secara sukarela.